

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, November 15, 2019 10:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Kerja Jalinan Korporat UUM Corporate Comm. Beri Nilai Tambah Dalam Penambahbaikan Sistem Penyampaian



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 NOVEMBER 2019 / 18 RABIULAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Umi Kalsum Othman

LAWATAN KERJA JALINAN KORPORAT UUM CORPORATE COMM. BERI NILAI TAMBAH DALAM PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN



UUM ONLINE: Putrajaya - Lawatan kerja Jalinan Korporat UUM Corporate Comm. ke Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini memberi nilai tambah dalam penambahbaikan sistem penyampaian UUM Corporate Comm. yang lebih efisien dan profesional.

Lawatan yang disertai tujuh staf UUM Corporate Comm. itu bertujuan untuk transformasi diri dan kecekapan staf dalam meningkatkan tadbir urus terbaik sebagai '*Front Line*' Universiti Utara Malaysia.

Pengarah UUM Corporate Comm., Rasidah Rodzi berkata, lawatan itu memberi peluang dan pendedahan kepada staf UUM Corporate Comm. secara langsung dalam memupuk budaya kerja yang efektif dan efisien sejajar dengan era digital.

Katanya, program berimpak tinggi ini juga menfokuskan kepada imej korporat yang menggambarkan potensi dan pengurusan UUM Corporate Comm. bagi mencapai kualiti, kredibiliti dan integriti yang lebih cemerlang.

Ketibaan delegasi UUM Corporate Comm. telah disambut Ketua Komunikasi Korporat, Izzad Zalman Abdul Kader.

Beliau telah memberi penerangan tentang peranan dan tanggungjawab UKK, JPM iaitu antaranya mengawal selia komunikasi dan media Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Pejabat Menteri/Timbalan menteri di JPM, Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan 57 jabatan/agensi di bawah JPM.

Di bawah UKK, JPM terdapat dua seksyen iaitu Seksyen Komunikasi Strategik dan Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan.

Di setiap seksyen terdapat Unit Komunikasi Strategik dan Kreatif serta Unit Media Sosial, Unit Aduan dan Khidmat Pelanggan, Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Fotografi dan Seksyen Perhubungan Awam.

Antara amalan terbaik yang diperolehi dalam lawatan itu adalah penubuhan Unit Media Sosial yang mengurus dan menyelaraskan isu bagi strategi media JPM dan penerbitan bahan bercetak seperti buletin adalah secara atas talian (e-buletin) bagi mengurangkan kos cetakan.

Selain itu, di UKK, JPM telah mewujudkan sistem seperti e-foto bagi permohonan perkhidmatan untuk sebarang majlis dan semua jurufoto ditempatkan di bawah UKK, JPM selain perkhidmatan jurufoto oleh jabatan lain akan diselenggarakan mengikut majlis.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.